KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	17/11/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JMG			



INILAH ketulan batu-batu yang kononnya mengandungi emas yang dijumpai orang ramai di Bukit Lata, Rantau Panjang kelmarin.

Tiada emas, hanya ketulan batu biasa

RANTAU PANJANG – Ketulan batu-batu yang ditemui di Kampung Bukit Lata di sini tidak mengandungi emas seperti yang didakwa beberapa penduduk sejak beberapa hari lalu.

Penghulu Mukim Siram, Zamri Yahya, 49, berkata, apa yang ditemui orang ramai hanya batu-batu biasa yang berkilau seperti emas.

"Beberapa penduduk telah membawa batu berkenaan kepada tukang emas untuk diuji dan hasil ujian menunjukkan tiada bijih emas ditemui dalam batuan tersebut.

"Mungkin warna kuning yang dilihat penduduk dalam ketulan batu itu adalah jenis logam biasa," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Yeh, 45, berkata, kesemua batu-batu tersebut telah dibuang selepas ujian mendapati warna kuning tersebut bukan emas.

Katanya, sejak itu tiada lagi kerja-kerja mencari dilakukan selepas berita mengenai batu tersebut tidak mengandungi emas tersebar.

Kosmo! sebelum ini melaporkan penduduk di sekitar Kampung Bukit Lata di sini digemparkan dengan penemuan ketulan batu-batu yang didakwa mengandungi emas.

Kosmo 17.11.2021_7